

# **UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN VETERINAR JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR, NEGERI PERAK (KSKV.Pk)**

---

## **FASAL 1 NAMA**

Kelab ini dinamakan **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN VETERINAR, JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR, NEGERI PERAK** atau nama ringkasnya ‘**KSKV.Pk**’.

## **FASAL 2 MAKNA**

2.1 ‘UNDANG-UNDANG’ialah undang-undang Kelab sukan Dan kebajikan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar,Negeri Perak atau nama ringkasnya’**KSKV.PK**.

2.2 ‘KELAB’ ialah Kelab sukan Dan Kebajikan Veterinar,Jabatan Perkhidmatan Veterinar,Negeri Perak atau nama ringkasnya’ **KSKV.PK.**’.

2.3 ‘JAWATANKUASA ’ialah jawatankuasa Kelab sukan Veterinar,Jabatan Perkhidmatan Veterinar ,Negeri Perak atau nama ringkasnya **KSKV.PK.**

2.4 ‘AHLI’ialah Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar,Jabatan Perkhidmatan Veterinar,Negeri Perak’**KSKV.PK**’.

2.5 ‘KSKV.PK’.ialah ahli nama ringkas Kelab sukan Dan Kebajikan Veterinar ,Jabatan Perkhidmatan Veterinar,Negeri Perak.

## **FASAL 3 ALAMAT BERDAFTAR**

Alamat berdaftar ialah Ibu pejabat Perkhidmatan Veterinar,Negeri Perak,Jalan Tasek,30740 Ipoh atau di mana- mana sahaja yang ditetapkan oleh Jawatankuasa setelah diluluskan oleh pendaftar pertubuhan.

## **FASAL4 TUJUAN**

4.1 Menanam perasaan muhibah dan kemesraan di antara ahli-ahlinya.

4.2 Meninggikankan minat serta menggalakkan ahli-ahli kegiatan-kegiatan sukan dan sosial.

4.3 Mengadakan kemudahan dan kebajikan untuk ahli-ahlinya.

4.4 Bekerjasama dengan badan-badan lain untuk kepentingan ahli-ahli kelab.

## **FASAL 5 KEAHLIAN**

Ahli-ahli kelab ini adalah sebagai’Ahli Biasa’sahaja.

## **FASAL 6 BERHENTI MENJADI AHLI**

- 6.1 Terbuka kepada semua kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ,Negeri Perak
- 6.2 Kakitangan Persekutuan yang berkhidmat di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar ,Negeri Perak.
- 6.3 setiap pemohon hendaklah member persetujuan dan sanggup menerima dan mematuhi undang-undang kelab.

## **FASAL 7 PERMOHONAN MENJADI AHLI**

- 7.1 Seseorang yang hendak menjadi ahli hendaklah menghantar permohonannya dengan menggunakan borang yang disediakan oleh setiausaha kelab.
- 7.2 Borang permohonan menjadi ahli hendaklah ditandatangani oleh yang memohon dan dicadang dan disokong oleh dua orang ahli biasa.

## **FASAL 8 PENERIMAAN MENJADI AHLI**

- 8.1 Borang permohonan menjadi ahli akan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa oleh setiausaha untuk pertimbangan ahli jawatankuasa kelab.
- 8.2 Apabila permohonan menjadi ahli diterima, setiausaha hendaklah memberitahu ahli tersebut dengan bersurat dalam tempoh 14hari selepas mesyuarat ahli jawatankuasa tersebut serta mengirimkanpetikan-petikan Fasal 10,Fasal 22 dan Fasal 28 atau senaskah undang-undang dan perlembagaan kelab.
- 8.3 Sekiranya permohonan ditolak, setiausaha hendaklah memberitahu pemohon tersebut dengan bersurat dalam tempoh 14 hari selepas mesyuarat jawatankuasa tersebut tanpa menerangkan sebab-sebabnya.
- 8.4 Keputusan mesyuarat ahli jawatankuasa kelab bagi maksud ini adalah muktamat.

## **FASAL 9 BERHENTI MENJADI AHLI**

- 9.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli kelab hendaklah memberitahu secara bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.
- 9.2 Seseorang ahli akan lucut keahliannya jika disahkan tidak siuman,terlibat dalam hutang piutang yang berat atau didakwa dimahkamah undang-undang dan sabit kesalahannya kerana penglibatan dalam jenayah.

9.3 Seseorang ahli yang dipecat atau menarik diri daripada kelab ini,tidak boleh diterima semula menjadi ahli kecuali mendapat sokongan bertulis daripada tiga orang ahli biasa dan yang terlebih dahulu(SENIOR)darinya untuk memohon semula.

9.4 Ahli-ahli yang bertukar dari Negeri Perak,dengan sendirinya gugur keahliannya.

#### **FASAL 10 TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI**

- a) Memegang teguh konsep dan melaksakan tujuan-tujuan kelab.
- b) Mematuhi perintah-perintah dan tatatertib kelab.
- c) Memberitahu setiausaha dengan segera apabila bertukar alamat.
- d) Membayar yuran-yuran menepati waktu.
- e) Menghadiri mesyuarat dan mengambil bahagian dalam kegiatan kelab.
- f) Berkelakuan baik apabila menghadiri sebarang majlis.
- g) Mengelak dari sebarang menerbitkan sebarang keterangan bertulis atau secara lisan selain keterangan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa kelab.
- h) Menjaga dan mengelak dari mengumumkan sesuatuperkara kelab kepada orang bukan ahli atau lain-lain pertubuhan ,surat-surat khabar dengan tiada mendapat kebenaran dari jawatankuasa untuk menjaga rahsia kelab.
- i) Memelihara nama baik dan maruah kelab.
- j) Berhak memilih atau melantik sebarang jawatan dalam kelab.
- k) Mempunyai suara danmengundi didalam mesyuarat kelab.

#### **FASAL 11 PENTADBIRAN**

11.1 Kelab ini ditadbir oleh:

- a) Seorang (1) Yang Dipertua.
- b)Dua (2) orang Naib Yang Dipertua.
- C)Seorang (1)setiausaha.
- d)Seorang (1) Bendahari.
- e)Dua Belas(12) orang ahli jawatankuasa biasa.

11.2 Naik Yang Dipertua, setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik didalam mesyuarat agung dan dua (2) orang ahli jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam mesyuarat jawatankuasa kelab.

11.3 Sepuluh (10) orang ahli jawatankuasa hendaklah dilantik didalam mesyuarat agong kelab dan dua (2) orang ahli jawatankuasa hendaklah dilantik didalam mesyuarat jawatankuasa kelab .

11.4 Pengarah Perkhidmatan Veterinar,Negeri Perak menjadi Yang Dipertua kelab ini tanpa dilantik .

11.5 Perlantikan dua(2) orang Naib yang Dipertua ,seorang(1) Setiausaha ,seorang (1) Bendahari dan (10) orang ahli jawatankuasa hendaklah dicadang dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli didalam mesyuarat agong Dwi tahunan(2 tahun sekali).

11.6 Pemegang jawatankuasa kelab ini dan tiap-tiap pegawai- pegawai yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran dalam kelab hendaklah wargenegara Malaysia .

## **FASAL 12 MESYUARAT AGONG TAHUNAN**

12.1 Mesyuarat agong tahunan kelab ini hendaklah diadakan setelah berakhir nya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada bulan MAC setiap 2 tahun(dwi tahunan).

12.2 Mesyuarat agong tahunan kelab terdiri semua ahli-ahli kelab .

12.3 Pemberitahu untuk mesyuarat agong tahunan kelab hendaklah diedar kepada semua ahli-ahli kelab sekurang-kurangnya 15 belas hari sebelum tarikh mesyuarat .segala usul-usul dan cadangan-cadangan hendaklah disampaikan ketangan setiusaha selewat-lewatnya sebelum 5 hari sebelum tarikh mesyuarat.

12.4 Korum mesyuarat ini adalah  $\frac{1}{2}$  daripada jumlah ahli biasa yang berhak mengundi atau 2 kali jumlah ahli-ahli jawatankuasa mengikut mana yang kurang .

12.5 Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepad satu tarikh (tidak lebih daripada 30hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa dan jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa mengubah undang-undang kelab dsn membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli-ahli .

12.6 Penyata kira-kira yang diaudit bagi tahun lalu hendaklah diedarkan bersama-sama dengan notis-notis mesyuarat .

## **FASAL 13 MESYUARAT AGONG LUAR BIASA**

13.1 Mesyuarat agong luar biasa kelab akan diadakan

- a) Apabila difikirkan perlu oleh jawatankuasa kelab atau ,
- b) Dengan permintaan bertulis yang ditandatangani oleh tidak kurang daripada 20 orang ahli biasa dan satu salinan mestilah dihantar kepada yang Dipertua dan satu salinan kepada setiausaha yang disertakan

dengan sebab-sebab perlunya diadakan mesyuarat ini .Mesyuarat ini diadakan dalam tempoh 7 hari selepas penerimaan bertulis .

c) Fasal 12.4 dan 12.5 didalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan mesyuarat agong tahunan boleh digunakan untuk mesyuarat agong luar biasa tetapi dengan syarat korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat agong luar biasa atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya 6 bulan daripada i tarikh tarikh mesyuarat agong luar biasa atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan .

13.2 Pemberitahuan mesyuarat agong luar biasa kelab dan agendanya hendaklah diedarkan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh mesyuarat .

#### **FASAL 14 KUASA MESYUARAT AGONG TAHUNAN**

- 14.1 Melantik jawatankuasa mengikut peraturan dalam FASAL 11 Dwi tahunan .
- 14.2 Mengesahkan penyata tahunan kelab dan kira-kira wang kelab bagi tahun yang telah diaudit.
- 14.3 Meminda undang-undang kelab ,jika ada .
- 14.4 Melantik pemeriksa kira-kira kelab seperti dalam fasal 26 bagi Dwi tahunan .
- 14.5 Persetujuan daripada ahli-ahli mengenai perlantikan sebarang pegawai atau ahli-ahli jawatankuasa kecil,jika ada.
- 14.6 Melantik 5 orang penasihat dan seorang penaung kelab seperti mengikut dalam fasal 19 dan fasal 20 bagi setahun sekali.
- 14.7 lapuran aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan kelab selama setahun oleh jawatankuasa kelab
- 14.8 Mengurus lain-lain hal atau perkara yang dibentangkan didalam mesyuarat ini.

#### **FASAL 15 MESYUARAT JAWATANKUASA**

- 15.1 Mesyuarat ini hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan bila-bila masa yang dikehendaki.
- 15.2 Segala pekerjaan yang terkandung didalam Fasal 18 akan dibincangkan disini.Mesyuarat ini boleh dijalankan jika ahli-ahli yang hadir tidak kurang dari  $\frac{1}{2}$  bilangan ahli jawatankuasa kelab.
- 15.3 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakan kelulusan jawatankuasa dan mesyuarat jawatankuasa tidak dapat diadakan ,maka bolehlah setiausaha menerima kelulusan daripada jawatankuasa dengan surat pekeliling .Syarat –syarat yang berikutnya hendaklah disempurnakan sebelum keputusan jawatankuasa boleh dianggap sebagai diterima .

- a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang didalam surat pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap ahli jawatankuasa .
- b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu .
- c) Keputusan hendaklah dengan undi teramai.
- d) Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilapurkan oleh setiusaha kepada mesyuarat jawatankuasa kemudian nya untuk dicatatkan didalam peringatan mesyuarat .

15.4 ahli jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alas an yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletak jawatannya didalam jawatankuasa.

15.5 Jika seseorang ahli jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatannya .calon yang kedua mendapat undi yang terbanyak didlam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggir untuk memenuhi jawatan itu ,jika calon yang demikian tidak ada atau menolak jawatan itu ,maka berkuasalah jawatankuasa melantik ahli lain persatuan ini bagi memenuhi kekosongan itu sehingga mesyuarat agong tahunan diadakan .

15.6 Jawatankuasa boleh member perintah kepada setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusankelab.ia boleh melantik pengurus-pengurus atau kakitangan-kakitangan yang difikirkan mustahak .ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangankerana cuai,curang,tidak cekap ingkar menjalankan menjalankan keputusan jawatankuasa atau sebab-sebab yang difikirkan merosakan tujuan ,nama dan maruah kelab semase didalam pekerjaan

15.7 Jika lima orang ahli jawatankuasa mahu mengadakan mesyuarat atau bersetuju mengadakan mesyuarat jawatankuasa ,setiausaha perlu memberitahu atau member notisnya dalam seminggu atau tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat tersebut.serte setiausaha boleh memberitahu dengan segere sekiranya terjadi mesyuarat tergempar jawatankuasa dalam masa sehari sebelum mesyuarat tersebut berlangsung .

## **FASAL 16 KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA**

16.1 Berkuasa melantik jawatankuasa kecil untuk mengemaskan perjalanan kelab seperti terkandung dalam Fasal 17

16.2 Membentuk asas dasar dan rancangan dalam melaksanakan peraturan yang terkandung dalam FASAL 4 .

16.3 Menyesuaikan perjalannnya mengikut undang-undang kelab dan memerhati serte mengawal perjalanan kelab .

16.4 Menbentangkan kepada mesyuarat agong tahunan satu lapuran bagi menerangkan perjalanan kelab termasuk maju mundurnya, kekuatan dan kelemahan serte penyata keuwangan yang telah diperiksa oleh pemeriksa kira-kira .

16.5 Berkuasa menggantung keahlian seseorang ahli atau memecatnya terus daripada menjadi ahli atas sebab-sebab ingkar dan melanggar undang-undang .

16.6 Meningbang dan memutuskan segala rayuan dan memohon daripada ahli-ahli dan bukan ahli yang dimajukan kepada setiausaha .

16.7 Membuat peraturan-peraturan tatatertib ahli-ahli mesyuarat dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi melaksanakan tujuan-tujuan kelab dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan undang-undang kelab .

16.8 Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau badan-badan lain yang berdaftar atas hal-hal yang sesuai dengan undang-undang.

16.9 Memilih ahli-ahli bagi memiliki kelab di dalam sebarang kumpulan atau jemaah atau majlis mesyuarat dan sebagainya, jika ada.

16.10 Mengadakan lain-lain aktiviti yang mendatangkan faedah kepada ahli-ahli .

16.11 Melantik dua orang ahli jawatankuasa sebagai penasihat jawatankuasa tattertib kelab seperti mengikut Fasal 22 ceraian 22.6.

16.12 melantik lima orang ahli biasa menganggotai jawatankuasa tatatertib seperti yang terkandung mengikut Fasal 22 ceraian 22.7.

## **FASAL 17 JAWATANKUASA KECIL**

17.1 Jawatankuasa kecil boleh dilantik oleh jawatankuasa pada bila-bila masa diadakan mesyuaratnya apabila difikirkan perlu dan mustahak . Setiausaha hendaklah menjadi ahli ex-officio dalam jawatankuasa kecil ini.

## **FASAL 18 TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

18.1 Yang Dipertua ;

a) Bertanggungjawab kepada jawatankuasa kelab

b) Menandatangani cek-cek yang dikeluarkan oleh kelabbersama-sama dengan bendahari dan salah seorang daripada ahli jawatankuasa kelaab yang dinamakan .

c) Mempengerusi semua mesyuarat kelab dan mempunya kuasa pemutus .

Mewakili jawatankuasa dalam lembaga penasihat kelab .

e)Mengawasi dan bertangungjawab kepada segala pentadbiran dan kegiatan kelab .

#### 18.2 Naib Yang Dipertua I

a)Membantu Yang Dipertua menjalankan tugas-tugasnya .

b)Memangku tugas-tugas Yang Dipertua dalam masa ketiadaannya .

c)Bertangungjawab kepada semua kegiatan kelab .

#### 18.3 Naik Yang Dipertua II

a)membantu Naib Yang Dipertua I menjalankan tugas-tugasnya .

b)memangku tugas-tugas Naib Yang Dipertua I dalam masa ketiadaannya.

c)bertangungjawab kepada semua kegiatan kebajikan kelab.

#### 18.4 Setiausaha :

a)setiausaha adalah di bawah perintah jawatankuasa kelab.

b)menulis dan menyimpan butir-butir mesyuarat agong tahunan,mesyuarat agong luar biasa dan lain-lain mesyuarat kelab serta menghantar minit mesyuarat tersebut kepada yang berkenaan.

c)menguruskan surat-surat bagi kelab dan membentang segala surat-surat yang diterima di dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.

d)menghantar surat-surat panggilan mesyuarat kepada ahli-ahli jawatankuasa 7 hari sebelum tarikh mesyuarat.

e)menyiapkan laporan tahunan kelab dan lain-lain bagi mesyurat agong tahunan.

f)mengadakan dan meyimpan buku daftar ahli-ahli dan menjalankan tugas yang patut diselenggarakan. Buku daftar ahli hendaklah mengandungi (yang disimpan)butir-butir seperti berikut :-

No.bilangan,nama,no.kad pengenalan,alamat,pekerjaan,alamat pejabat serta tarikh menjadi ahli setiap ahli.

g)hendaklah menyimpan ‘inventories’ dan rekod-rekod harta kelab.

h)mengirimkan penyata tahunan tiap-tiap tahun dalam masa 28 hari dari tarikh diadakan mesyuarat agong tahunan kepada pertubuhan seperti dikehendaki oleh seksyen 14(1) Akta pertubuhan 1966.

i)Menjadi setiausaha kepada lembaga penasihat kelab .

**18.5 Bendahari :**

- a) Menyimpan buku akaun wang keluar masuk ,harta benda kelab ,menerima wang yang mengeluarkan resit bagi nya yang mengikut perintah tetap.
- b) Membentangkan didalam jawatankuasa akan penyata-penysata kewangan kelab sehingga akhir tiap-tiap bulan
- c) Menyediakan akaun bulanan bagi mesyuarat agong tahunan .
- d) Menyerahkan buku akaun dan buku resit kepada pemeriksakira-kira dalam tiga bulan sekali atau bila-bila masa yang dikehendaki .
- e) Mendapatkan kelulusan jawatankuasa segala tuntutan yang perlu dibayar .
- f) Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai ditangan sebanyak RM100.00 sahaja .
- g) Kesemua wang kelab hendaklah disimpan di bank yang ditetapkan oleh jawatankuasa .Mengeluarkan wang dan cek-cek hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua dan Bendahari dan salah seorang daripada ahli jawatankuasa kelab .kira-kira bank hendaklah diatas nama kelab .
- h) Akaun kelab bermula dari 1 hbln januari dan ditutup 31 hbln disember pada tiap-tiap tahun .

**FASAL 19 LEMBAGA PENASIHAT**

- 19.1 Lembaga penasihat hendaklah menasihatkan kelab mengenai segala hal .
- 19.2 Ahli lembaga penasihat dilantik untuk berkhidmat selama setahun dalam mesyuarat agong tahunan .
- 19.3 Lembaga penasihat kelab terdiri dari tidak lebih dari lima orang yang mempunyai kecenderungan dalam sukan dan berkelayakan serta berpengalaman .
- 19.4 Mesyuarat lembaga penasihat tidak memerlukan korum .

**FASAL 20 PENAONG**

Kelab ini didalam mesyuarat agong tahunan boleh melantik tidak lebih dari seorang penaong kelab

**FASAL 21 PEMEGANG AMANAH DAN HARTA BENDA**

- 21.1 a) Pengamanah :-

- i) Tiga orang Pengamanah yang berumur dari 21 tahun hendaklah dilantik didalam mesyuarat agong tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh kelab .Kepada mereka akan diamanahkan segala semua harta tetap kepunyaan kelab dengan menandatangani suatu surat amanah .

- ii) Pengamanah tidak boleh dijual ,menarik balik atau menukar harta benda kepunyaan kelab dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agong ahli-ahli .
- iii) Seorang pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agong oleh sebab uzur kerana penyakit,tidak siuman ,tidak berada didalm negeri atau kerana lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan .Jika berlaku kematian ,letakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh yang baharu dilantik didalam mesyuarat agong tahunan .

21.2 b) Harta benda Kelab:-

- i) Jawatankuasa kelab berkuasa membuat peraturan-peraturan yang selaras dengan undang-undang kelab berkenaan dengan harta benda kelab .
- ii) Ahli kelab tidaklah dibenarkan mengambil tanpa kebenaran atau merosakan harta benda kelab .Sekiranya terjadi ahli yang berkenaan dimestikan membayar ganti rugi harta benda yang dirosakan serta boleh dipecat atau digantung keahliannya sekiranya difikirkan perlu oleh jawatankuasa kelab .

**FASAL 22 TATATERTIB**

22.1 Tindakan tatatertib boleh diambil keatas ahli yang melanggar tanggungjawab ahli yang terkandung dalam Fasal 29 undang-undang dan perlombagaan persatuan

22.2 Jawatankuasa tatatertib hendaklah terdiri daripada ahli kelab yang boleh melapurkan kegiatan-kegiatan ahli yang didapati melanggar tatatertib kelab kepada jawatankuasa untuk tindakan yang sewajarnya .Jawatankuasa tatatertib berhak memberi amaran dan menggantung hak-hak seseorang ahli atau memecatnya daripada kelab .

22.3 Ahli-ahli kelab yang melanggar tatatertib kelab boleh:-

- a) Diberi amaran
- b) Digantung hak-haknya didalam kelab
- c) Dipecat

22.4 seseorang ahli yang tidak puashati dengan tindakan tatatertib yang dikenakan keatasnya boleh merayu kepada jawatankuasa kelab dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad .

22.5 Jawatankuasa kelab berhak mengadakan peraturan-peraturan berhubung dengan tatatertib kelab .

22.6 Pengurus dan dua orang ahli jawatankuasa kelab akan menguasai dan mengawasi jawatankuasa tatatertib dan Naik Yang Dipertua ia akan menjadi pengurus jawatankuasa tatatertib kelab .

22.7 Jawatankuasa tatatertib hendaklah dianggotai oleh lima orang ahli biasa yang tidak memegang sebarang jawatan dalam jawatankuasa kelab .

## **FASAL 23 PUNCA PENDAPATAN**

- a)Yuran
- b)Derma-derma
- c)Punca-punca yang boleh diperolehi

## **FASAL 24 YURAN**

24.1 Yuran ahli biasa adalah seperti berikut

- a)Yuran bulanan -RM 4.00

24.2 Yuran bulanan hendaklah dijelaskan sebelum atau lima haribulan tiap-tiap bulan .Ahli-ahli yang tidak menjelaskan yurannya pada tarikh tersebut akan diperingatkan dengan cara bersurat oleh setiusaha selepas tarikh tersebut.

24.3 Ahli-ahli yang tidak menjelaskan yuran bulanannya selama tiga bulan berturut-turut akan diambil tindakan tatatertib mengikut Fasa 22 ceraian 22.3.

24.4 Ahli-ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih setahun dengan sendirinya terhenti menjadi ahli kelab jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya .

24.5 Sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang dan selainnya dan ingin menjadi ahli semula ,yuran masuknya dikenakan RM6.00.

24.6 Yuran-yuran khas atau kutipan-kutipan daripada ahli-ahli untuk perkara tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan mesyuarat agong tahunan .Sekiranya ahli-ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut didalam masa yang telah ditetapkan maka wang tersebut dianggap sama seperti hutang yuran bulanan .

24.7 Semua pembayaran yuran mestilah berbentuk wang tunai .Tidak dibenarkan menggunakan cek tanpa kebenaran daripada jawatankuasa kelab kecuali oleh sebab-sebab tertentu .

## **FASAL 25 CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG KELAB**

25.1 Segala kewangan kelab bolehlah dibelanjakan untuk perkara-perkara berikut:-

- a. Bayaran dan perbelanjaan pentadbiran yang dipersetujui oleh jawatankuasa kelab.
- b. Bayaran mencetak, menerbitkan ,mengedarkan sebarang surat,berita,majalah dan lain-lain penerbitan yang diterbitkan oleh kelab untuk menjayakan tujuan-tujuannya .
- c. Bayaran –bayaran kebajikan yang telah dipersetujui dalam mesyuarat agong tahunan kelab.

d Bayaran sewa atau yuran-yuran yang sah yang telah dipersetujui dalam mesyuarat agong tahunan kelab .

e membiayai segala rancangan-rancangan yang selaras dengan tujuan-tujuan kelab .

f mengadakan temasya.

25.2 Semua kewangan yang berlebih dari RM100.00 hendaklah dimasukan kedalam bank yang telah diluluskan oleh jawatankuasa tidak lewat dari tujuh hari adanya lebihan itu .

25.3 Bendahari kelab boleh memegang wang tunai tidak lebih dari RM100.00 sahaja .

25.4 Ahli jawatankuasa dan ahli-ahli kelab boleh memeriksa buku-buku kewangan dan daftar ahli bila-bila masa yang munasabah dengan syarat membuat permintaan dahulu .

25.5 Semua harta kelab akan dimiliki atas nama pemegang amanah bersama .Kewangan kelab yang tidak dikehendaki untuk urusan kelab atau pentadbiran hari-hari boleh digunakan untuk menambah modal dalam jaminan-jaminan (TRUSTEE SECURITIES) dengan syarat jawatankuasa mengarahkan supaya 25% daripada wang itu digunakan untuk menambah modal dalam sebarang jaminan yang dipersetujui .Wang yang dipermodalkan itu hendaklah dipermodalkan lagi atas nama pemegang amanah dan mereka ini akan memegang bagi pihak kelab .

25.6 Yuran yang ditetapkan mengikut Fasal 24 ceraian 24.1 boleh dibahagikan dan diperuntukan sebanyak yang dipersetujui oleh jawatankuasa kelab bagi penggunaan tujuan-tujuan kelab .

25.7 Perbelanjaan yang lebih daripada RM100.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh jawatankuasa kelab .Perbelanjaan yang kurang daripada RM100.00 bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Yang Dipertua bersama setiausaha dan bendahari dan diluluskan di mesyuarat jawatankuasa kemudian .Perbelanjaan yang lebih dari RM100.00 bagi satu bulan hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat agong kelab .

## **FASAL 26 PEMERIKSAAN KIRA-KIRA**

26.1 Dua orang pemeriksa kira-kira dalam akan dilantik di dalam mesyuarat agong tahunan kelab setahun sekali yang bukan dari ahli-ahli jawatankuasa yang untuk memeriksa kira-kira pada penghujung tiap-tiap bulan dan mengemukakan laporan mereka kepada jawatankuasa kelab jika perlu .

26.2 Memeriksa senarai harta kelab sama ada cukup atau tidak dan memberi laporan kepada jawatankuasa kelab sekurang-kurangnya enam bulan sekali .

26.3 Kedua-dua pemeriksaan kira-kira dalam berhak melihat dan memeriksa resit-resit dan lain-lain surat keterangan yang diperlukan untuk menyenpurnakan tugas-tugas mereka .

#### **FASAL 27 MEMINDA UNDANG-UNDANG**

27.1 Undang-undang ini atau sebarang bahagian daripadanya bolehlah dipinda atau dimansuhkan dengan ketetapan yang dipersetujukan kepada pendaftar pertubuhan dalam tempuh 28 hari dari tarikh keputusan meminda undang-undang untuk mendapatkan kelulusan dan kebenaran .

27.2 Setiap pindaan akan berjalan kuatkuasanya mulai tarikh pindaan itu diluluskan oleh pendaftar pertubuhan .

#### **FASAL 28 LARANGAN**

28.1 Dilarang menghisap candu didalam rumah kelab dan membawa masuk perempuan lacur dan orang jahat ke rumah kelab .

28.2 Permainan judi adalah dilarang di dalam rumah kelab .

28.3 Kelab ini atau ahli-ahli yang tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara pun mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan didalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan didalam undang-undang kesatuan kerja 1959 .

28.4 Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak ,atas nama kelab atau nama-nama pegawainya atau ahli jawatankuasa atau pun ahli biasa ,tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa .

28.5 Seorang pelajar Universiti atau college Universiti tidak boleh menjadi ahli kelab kecuali ia telah dibenarkan secara bertulis terlebih dahulu oleh Naib Canselor Universiti berkenaan .

28.6 Kelab ini tidak boleh menjalankan kegiatan berbentuk faedah bersama seperti yang diperuntukan didalam seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 .

#### **FASAL 29 PEMBUBARAN**

29.1 Kelab ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada 3/5 jumlah ahli yang berhak mengundi .

29.2 Sekiranya kelab ini hendak dibubarkan,maka segala hutang dan tanggungan kelab yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan segala baki wang dan harta persatuan hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan didalam mesyuarat agong yang dipanggil untuknya .

29.3 Kenyataan mengenai ‘pembubar’ kelab hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftaran Pertubuhan dalam masa 14hari dari tarikh pembubar .

## **FASAL 30 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

30.1 Diantara mesyuarat-mesyuarat agong ,jawatankuasa boleh memberikantaksirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang terkandung didalam undang-undang ini .

30.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat didalam mesyuarat agong ,keputusan jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agong .